

DASAR PANDANG KE TIMUR SELEPAS 40 TAHUN: MEMPERKASA HUBUNGAN BILATERAL MALAYSIA-JEPUN

Hanim Ismail

Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, Universiti Teknologi MARA.

Emel: hanimismail@uitm.edu.my

Muhammad Aiman Awalluddin

Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, Universiti Teknologi MARA

Emel: mdaiman@uitm.edu.my

Jeniwyat Mohd Jody

Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, Universiti Teknologi MARA

Emel: jeniwyat@uitm.edu.my

Hazariah Yais Razali

Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, Universiti Teknologi MARA

Emel: hazariah387@uitm.edu.my

Nor Azira Ayob

Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Poli, Universiti Teknologi MARA.

Emel: norazira@uitm.edu.my

ABSTRAK

Jepun merupakan negara pertama yang menjalinkan hubungan diplomatik dengan Malaysia iaitu, kira-kira sembilan hari selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 9 September 1957 dengan pembukaan Kedutaan Jepun di Kuala Lumpur. Oleh itu, pengenalan Dasar Pandang ke Timur (DPT) sejak tahun 1982 telah memperkukuhkan hubungan bilateral Malaysia-Jepun yang sedia terjalin. DPT kini telah mencecah empat dekad perlaksanaannya di Malaysia dan pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi mencapai objektif dasar ini. Objektif utama pelaksanaan DPT adalah untuk menerapkan budaya kerja orang Jepun dalam diri rakyat Malaysia supaya Malaysia berupaya mencapai kejayaan dan kemajuan seperti Jepun. Dua bidang yang menjadi keutamaan di dalam pelaksanaan DPT adalah pendidikan dan perindustrian. Artikel ini menggunakan kaedah pengumpulan data kualitatif dengan menjalankan temubual intensif dan kumpulan fokus ke atas tiga belas orang individu yang terlibat secara langsung dengan pelaksanaan DPT. Hasil kajian menemui nilai murni orang Jepun menjadi faktor pelaksanaan DPT selain budaya kerja iaitu disiplin, etika, integriti dan akauntabiliti, pengurusan serta rakan strategik. Selepas tiga dekad pelaksanaan DPT di Malaysia, pada tahun 2012, DPT telah diperkukuh dan diperkasakan dengan pengenalan Gelombang Kedua DPT yang dikenali sebagai DPT 2.0. DPT 2.0 telah memberi keutamaan kepada bidang-bidang baru sejajar dengan perkembangan teknologi pada era milenium ini. Sehubungan dengan itu, DPT 2.0 turut memfokuskan konteks *mutual benefit* (kepentingan bersama) bagi kedua-dua negara, serta ia turut memberi manfaat kepada negara-negara jiran peringkat rantau yang mana turut mendapat faedah (*spill over*) melalui DPT 2.0 ini.

Kata Kunci: Dasar Pandang ke Timur; Gelombang Kedua; Hubungan Malaysia-Jepun; *mutual benefit*; *spillover*

1. PENGENALAN

Dasar Pandang ke Timur (DPT) merupakan salah satu dasar yang dilaksanakan untuk membangunkan negara Malaysia. DPT dilaksanakan secara rasminya pada tahun 1982 apabila Tun Mahathir telah mengumumkan pelaksanaan dasar ini pada 8 Februari 1982 semasa persidangan '5th Joint Annual Conference of MAJECA/JAMECA' di Hotel Hilton, Kuala Lumpur (Laman Web Rasmi Jabatan Perdana Menteri Malaysia). DPT merujuk kepada negara Timur yang maju dan berkembang pesat di dalam pembangunan dan kemajuan ekonomi. Objektif pelaksanaan DPT adalah untuk mencontohi dan mengadaptasikan budaya dan etika kerja negara-negara Timur seperti Jepun dan Korea dalam

masyarakat Malaysia (Sivamurugan et. al, 2021). Negara Jepun misalnya, merupakan sebuah negara yang mampu bangkit dan mencapai kemajuan terutama di dalam ekonomi setelah musnah teruk di dalam Perang Dunia Kedua. Kemampuan Jepun memajukan negara dalam tempoh yang singkat adalah kerana masyarakatnya mempunyai amalan budaya dan etika kerja yang hebat.

Namun begitu, usaha untuk memandang ke Timur bukanlah sesuatu yang baru yang dibawa oleh Tun Mahathir kerana pemikiran memandang ke Timur telah lama wujud sejak Tanah Melayu berada di dalam zaman kolonial British lagi. Pemikiran pandang ke Timur telah bermula pada tahun 1906 dan diikuti dengan konflik yang timbul dengan pemikiran pro Barat beserta kepentingan pelaburan Jepun pada tahun 1910 sehingga tahun 1980 (Uqbah Iqbal: 2017). Selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tanggal 31 Ogos 1957, negara Jepun adalah negara pertama yang membuka kedutaan di Kuala Lumpur pada 9 September 1957 iaitu kira-kira sembilan hari selepas Tanah Melayu merdeka (Mohd Ikbal: 2010). Perjanjian ekonomi yang pertama berlaku pada 10 Mei 1960 apabila Diet Jepun telah meluluskan perjanjian perdagangan antara Jepun dan Persekutuan Malaysia. Dasar Ekonomi Malaysia yang lebih terbuka telah membuka ruang kepada Malaysia untuk menjalinkan pelaburan bilateral dengan negara lain seperti Jepun selepas kemerdekaan. Hubungan bilateral Malaysia-Jepun yang wujud selepas merdeka serta pemikiran pandang ke Timur yang berlaku sejak zaman kolonial telah membuktikan bahawa DPT bukan sesuatu yang baru. DPT merupakan permulaan dalam memperkukuhkan hubungan bilateral yang sedia wujud di samping memperkemaskan kerjasama yang lebih erat di dalam bidang yang menjadi keutamaan di dalam DPT.

2. METODOLOGI

Artikel ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif dengan menjalankan temubual intensif dan kumpulan fokus bagi pengumpulan data primer ke atas tiga belas orang responden yang terlibat secara langsung dengan pelaksanaan DPT. Penulis telah menemui pengasas dan pelopor pengenalan DPT iaitu Tun Mahathir selain lima orang responden yang terdiri daripada seorang pesara dan empat pegawai tadbir dan diplomatik yang bertugas secara langsung dalam memastikan kelancaran pelaksanaan DPT. Penulis turut menemui seorang guru Bahasa Jepun yang merupakan alumni daripada program penghantaran pelajar yang melanjutkan pelajaran di peringkat pengajian tinggi di Jepun.

Di dalam temubual kumpulan fokus, seramai tujuh orang responden yang bekerja di Kilang SONY Pulau Pinang telah dipilih. Mereka merupakan individu yang terdiri daripada pelbagai peringkat perkhidmatan dalam kilang yang dimiliki Jepun serta beroperasi di Malaysia. Pengalaman dan pandangan informan tentang budaya kerja Jepun diteliti dan tema dibentuk bagi menggambarkan nilai-nilai murni orang Jepun yang menjadi faktor penyumbang kepada pelaksanaan DPT di Malaysia. Artikel ini juga disokong dengan data sekunder yang diperoleh melalui kajian perpustakaan iaitu buku, jurnal, berita rasmi dan laman sesawang. Kajian ini turut menggalurkan penilaian terhadap hubungan bilateral Malaysia-Jepun bermula dengan pelaksanaan DPT 1982 sehingga pelaksanaan DPT yang mencapai usia lebih 40 tahun.

3. DAPATAN DAN PERBINCANGAN

3.1 Faktor Pelaksanaan DPT di Malaysia

Berdasarkan temubual yang telah dilakukan, didapati terdapat pandangan informan mengenai orang Jepun dan budaya kerja yang menjadi amalan mereka. Pandangan dan pengalaman informan terhadap budaya kerja orang Jepun ini telah diklasifikasikan sebagai faktor yang menjadi pendorong kepada

perlaksanaan Dasar Pandang ke Timur di Malaysia. Orang Jepun mempunyai nilai yang tinggi terhadap kepatuhan terhadap masa. Mereka dikenali sebagai individu yang menepati masa (*punctuality*). Amalan menepati masa ini merupakan amalan positif yang telah menjadi amalan kebanyakan informan yang terlibat secara langsung di dalam perlaksanaan Dasar Pandang ke Timur. Syarikat Jepun yang beroperasi di Malaysia menggunakan sistem *punch card* untuk memastikan pekerja mereka mematuhi masa kerja yang telah ditetapkan. Pekerja Jepun juga mementingkan produktiviti dan kualiti produk yang dihasilkan. Produk yang dihasilkan mestilah berkualiti dengan merancang dan mengkaji terlebih dahulu sebelum sesuatu produk itu dihasilkan. Mereka akan berusaha untuk meminimumkan kerugian dan kajian yang teliti akan dibuat sebelum sesuatu keputusan untuk menghasilkan sesuatu produk dibuat. Kesetiaan kepada kerja dan majikan merupakan sebahagian daripada budaya kerja orang Jepun. Mereka mempunyai nilai taat setia kepada majikan dan pekerjaan selain mempunyai sifat rajin yang tinggi. Hal demikian, menjadikan masyarakat Jepun fokus kepada kerja. Budaya rajin bekerja ini menimbulkan rasa malu sekiranya mereka pulang terlebih awal daripada orang lain. *Attendance* atau mencatat kedatangan merupakan salah satu budaya kerja orang Jepun yang perlu dicontohi kerana ia menjamin pekerja untuk bekerja dengan lebih rajin dan amanah. Kehadiran diambil bagi memastikan pekerja berada di tempat kerja mengikut waktu kerja yang ditetapkan oleh majikan. Penggunaan *punch card* merupakan salah satu kaedah untuk mencatat kehadiran pekerja sekaligus dapat memastikan seseorang pekerja itu mematuhi peraturan yang telah ditetapkan majikan dan organisasi. Perlaksanaan pengambilan kedatangan oleh Jepun tidak hanya dibuat ke atas pekerja semata-mata, tetapi ia turut melibatkan pelajar di universiti-universiti Jepun juga.

Di dalam budaya dan etika kerja orang Jepun, mereka mementingkan disiplin yang tinggi oleh setiap pekerja. Disiplin yang tinggi ini diterapkan oleh budaya kerja orang Jepun dengan memastikan setiap pekerja menjadi seorang yang berdisiplin dan patuh kepada setiap arahan yang diberikan. Amalan budaya dan etika kerja orang Jepun juga adalah melibatkan bekerja berpasukan ataupun *teamwork*. Amalan ini menjadi amalan utama di dalam sesebuah organisasi apabila semua individu di dalam sesebuah organisasi merasakan mereka bertanggungjawab ke atas sesebuah organisasi.

3.2 Hubungan Malaysia Jepun selepas 40 tahun DPT

Di dalam tempoh yang melebihi empat puluh tahun perlaksanaan DPT di Malaysia, pelbagai hubungan, kerjasama dan sumbangan telah dinikmati oleh kedua-dua negara. Di dalam pelbagai manfaat yang dinikmati oleh Malaysia melalui Dasar Pandang ke Timur, Jepun juga tidak terkecuali untuk menikmati dan mendapat sumbangan yang baik daripada Malaysia. DPT kini, telah memberi sumbangan yang berasaskan kepada '*mutual benefit*' kepada Malaysia dan Jepun iaitu manfaat bersama dinikmati oleh kedua-dua negara. Hubungan Malaysia-Jepun selepas peralihan semula Tun Mahathir sebagai Perdana Menteri ketujuh adalah lebih erat dan kukuh kerana Tun Mahathir telah memilih untuk meneruskan Dasar Pandang ke Timur dengan memperkasakan dan memperkukuhkan dasar yang telah dilaksanakan ini. Melalui pemerkasaan Dasar Pandang ke Timur, pelbagai perancangan, cadangan dan penambahbaikan perlaksanaan dasar dipertingkatkan. Tun Mahathir memberi fokus yang serius di dalam perlaksanaan DPT 2.0 dan ianya sekaligus berjaya mengeratkan lagi jalinan hubungan bilateral di antara kedua-dua negara yang telah terjalin selama ini.

Melalui DPT 2.0, pelbagai kerjasama terutamanya di dalam aspek ekonomi telah dimeterai antara kedua-dua negara. Kerjasama berkaitan dengan bidang-bidang yang boleh menjana ekonomi negara dipererat selain Malaysia terus melihat Jepun sebagai model untuk memajukan negara terutamanya di dalam bidang ekonomi. Kejayaan Jepun membangunkan negara mereka sehingga hari ini

terutamanya di dalam bidang ekonomi menjadi faktor Tun Mahathir memilih untuk terus melaksanakan Dasar Pandang ke Timur dan sekaligus menjalin hubungan yang baik dengan Jepun. Penerapan budaya kerja masyarakat Jepun melalui Dasar Pandang ke Timur turut dilaksanakan melalui sektor pendidikan dengan menghantar pelajar Malaysia untuk mendapatkan pendidikan di negara Jepun. Di dalam DPT 2.0, Tun Mahathir telah mengkaji dan mendapati bahawa dasar ini perlu diteruskan melalui pendidikan. Oleh itu, kerajaan telah berusaha mencari peluang untuk memperkasakan pelaksanaan dasar ini melalui pendidikan di dalam DPT 2.0.

Selepas Datuk Seri Anwar Ibrahim dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-10 pada tahun 2022, beliau telah menyatakan komitmen untuk memperkukuh semula Dasar Pandang ke Timur (DPT) dengan pendekatan yang lebih strategik dan relevan dengan konteks semasa. DPT kini diberi nafas baharu dengan penekanan terhadap pembangunan modal insan, teknologi tinggi, kelestarian alam sekitar dan budaya kerja yang berintegriti, khususnya berpandukan nilai-nilai positif dari negara seperti Jepun. Kerajaan di bawah pimpinan Anwar Ibrahim dilihat berusaha memperkasakan skop dasar ini bukan sahaja dalam aspek ekonomi dan perindustrian, tetapi turut memberi tumpuan kepada sektor pendidikan serta peningkatan daya saing pekerja tempatan. Dalam beberapa ucapan rasmi dan lawatan kerja ke Jepun, beliau turut menekankan keperluan Malaysia mencontohi disiplin, etika kerja dan inovasi teknologi yang telah memacu kejayaan negara-negara Asia Timur. Justeru, Dasar Pandang ke Timur pasca-Anwar Ibrahim bukan sahaja bersifat kesinambungan kepada dasar terdahulu, malah mencerminkan usaha Malaysia untuk menyesuaikan dasar luar dan pembangunan negara selari dengan cabaran ekonomi global serta keperluan pembaharuan domestik yang berteraskan prinsip tata kelola baik dan kesejahteraan rakyat (Laman Web Rasmi Jabatan Perdana Menteri, 2025).

3.2.1 Implementasi DPT: Penghargaan dan Pengiktirafan buat Jepun

Malaysia secara konsisten menghargai sumbangan serta peranan penting Jepun dalam pembangunan negara melalui pelaksanaan dasar ini sejak tahun 1982. Dasar ini bukan sahaja membuka ruang kepada pemindahan teknologi dan kemahiran dari Jepun, malah turut membawa masuk nilai-nilai kerja Jepun seperti disiplin, ketepatan masa, dedikasi, dan integriti ke dalam budaya kerja Malaysia. Pelaksanaan dasar ini telah memberi impak besar dalam sektor pendidikan, perindustrian, dan pentadbiran awam di Malaysia. Ribuan pelajar dan penjawat awam Malaysia telah dihantar ke Jepun untuk menjalani latihan dan pendidikan, sekaligus mewujudkan satu generasi tenaga kerja yang berorientasikan produktiviti dan kecemerlangan. Maka, implementasi berterusan DPT dianggap sebagai satu bentuk pengiktirafan simbolik dan strategik terhadap kejayaan model pembangunan Jepun, yang telah dijadikan rujukan oleh Malaysia dalam merancang hala tuju kemajuan negara. Selain itu, penghargaan ini juga dizahirkan melalui pengukuhan hubungan dua hala Malaysia-Jepun dalam pelbagai bidang termasuk pelaburan, perdagangan, pendidikan, dan diplomasi. Lawatan rasmi pemimpin Malaysia ke Jepun dan penyertaan dalam forum seperti Nikkei Conference turut menjadi medan untuk menzahirkan penghormatan Malaysia terhadap Jepun sebagai rakan strategik jangka panjang. Ini membuktikan bahawa DPT bukan sekadar dasar teknokratik, tetapi juga simbol hubungan mesra yang berteraskan rasa hormat, kepercayaan, dan aspirasi bersama.

3.2.2 Rakan Perdagangan dan Ekonomi Jepun

Jepun merupakan antara rakan perdagangan dan ekonomi terpenting bagi Malaysia sejak tahun 1980-an, terutamanya selepas pelaksanaan Dasar Pandang ke Timur (DPT). Hubungan perdagangan dua hala antara kedua-dua negara telah berkembang secara konsisten, dengan Jepun menjadi salah satu daripada lima rakan dagang utama Malaysia. Jepun bukan sahaja merupakan sumber pelaburan langsung asing (FDI) yang signifikan, terutamanya dalam sektor pembuatan, elektronik dan teknologi

tinggi, malah turut memainkan peranan penting dalam pemindahan teknologi serta pembangunan kapasiti industri tempatan. Kerjasama ini telah memberi impak besar dalam memacu transformasi struktur ekonomi Malaysia daripada ekonomi berasaskan sumber atau komoditi pertanian kepada ekonomi berasaskan pengetahuan dan inovasi. Selepas 40 tahun pelaksanaan DPT, hubungan ekonomi Malaysia–Jepun kekal kukuh dan terus diperluas melalui inisiatif yang lebih strategik dan berimpak tinggi. Penekanan kepada aspek kelestarian, pendigitalan dan pembangunan modal insan, sejajar dengan kekuatan Jepun dalam bidang-bidang tersebut. Jepun bukan sahaja dilihat sebagai pelabur atau rakan dagangan, tetapi juga sebagai rakan pembangunan jangka panjang yang menyumbang kepada pembentukan nilai kerja, disiplin, serta inovasi dalam kalangan tenaga kerja tempatan. Justeru, kesinambungan hubungan ekonomi ini mencerminkan penghargaan Malaysia terhadap Jepun sebagai rakan strategik utama dalam usaha membina ekonomi yang lebih mampan, berdaya tahan dan berteraskan nilai Asia yang progresif.

3.2.3 Perkongsian Idea dan Kepakaran

Perkongsian idea dan kepakaran antara Malaysia dan Jepun merupakan salah satu teras utama yang menyokong pelaksanaan DPT sejak ia dilaksanakan. Dasar ini membuka ruang kepada pemindahan ilmu dan amalan terbaik daripada Jepun terutama dalam aspek teknologi, budaya kerja, pengurusan organisasi dan pembangunan industri. Melalui pelbagai program latihan, biasiswa, serta kerjasama antara institusi pendidikan dan penyelidikan, Malaysia berjaya mengakses kepakaran Jepun yang terbukti berkesan dalam membina ekonomi yang berdaya saing dan masyarakat yang berdisiplin tinggi. Justeru, DPT bukan sahaja berfungsi sebagai jambatan diplomatik, tetapi juga sebagai wahana pembelajaran dan transformasi negara.

Sepanjang tempoh lebih empat dekad, bentuk perkongsian ini telah mengalami evolusi yang signifikan. Daripada tumpuan awal kepada latihan teknikal dan pengurusan industri, kini kerjasama diperluas kepada bidang-bidang strategik seperti teknologi hijau, digitalisasi, tenaga boleh diperbaharui, keselamatan makanan dan pendidikan berteraskan kemahiran. Inisiatif seperti program pendidikan teknikal dan vokasional (TVET), pertukaran profesional serta usaha sama dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) membuktikan kesungguhan kedua-dua negara untuk meneruskan kolaborasi secara lebih menyeluruh dan berimpak tinggi. Jepun juga memainkan peranan penting dalam membantu Malaysia membina kapasiti tempatan melalui bimbingan teknologi, inovasi proses kerja, dan pembangunan sumber manusia yang berpengetahuan tinggi.

Perkongsian idea dan kepakaran ini turut membawa nilai simbolik yang mendalam dalam hubungan dua hala, yakni pengiktirafan terhadap Jepun sebagai model pembangunan yang berintegriti dan berorientasikan nilai. Ia mencerminkan komitmen Malaysia untuk menyesuaikan strategi pembangunan dengan mengambil inspirasi daripada prinsip-prinsip yang terbukti berkesan dalam konteks Asia tanpa meniru secara membuta tuli. Dalam kerangka DPT pasca 40 tahun, pendekatan ini kekal relevan kerana ia berpaksi kepada kesediaan untuk belajar, menyesuaikan diri, dan membina kekuatan negara berasaskan pengalaman antarabangsa yang disesuaikan secara lokal. Maka, DPT bukan sahaja memperkukuh jaringan diplomatik dan ekonomi, tetapi juga menjadi simbol kerjasama intelektual yang memperkayakan dasar pembangunan Malaysia secara berterusan.

3.3 DPT selepas 40 tahun: Pemerkasaan Hubungan Malaysia-Jepun Kini

Selepas lebih empat dekad pelaksanaan Dasar Pandang ke Timur (DPT) sejak tahun 1982, dasar ini terus menjadi asas penting dalam membentuk hubungan strategik antara Malaysia dan Jepun. DPT yang pada asalnya menumpukan kepada pemindahan budaya kerja, latihan teknikal dan peningkatan daya saing industri telah berkembang selari dengan perubahan landskap global. Kini, kerajaan

Malaysia memberi nafas baharu kepada DPT dengan pendekatan yang lebih menyeluruh dan berteraskan tiga teras utama: pembangunan modal insan, kerjasama teknologi dan inovasi, serta kelestarian ekonomi dan sosial. Ketiga-tiga fokus ini bukan sahaja mengekalkan nilai asal DPT, tetapi juga menyelaraskannya dengan cabaran serta keperluan abad ke-21. Teras pertama melibatkan pemerkasaan modal insan, khususnya melalui pendidikan teknikal dan vokasional (TVET), program pertukaran pelajar, dan latihan industri yang melibatkan institusi pendidikan dari kedua-dua negara. Kerjasama dalam bidang pendidikan telah membolehkan rakyat Malaysia menimba ilmu dan mengamalkan nilai-nilai murni Jepun seperti disiplin, tanggungjawab, serta kerja berpasukan. Latihan ini bukan sahaja meningkatkan kemahiran teknikal, tetapi juga membentuk sahsiah profesional yang menyumbang kepada produktiviti dan tadbir urus yang lebih efisien dalam sektor awam dan swasta.

Teras kedua merangkumi kerjasama dalam teknologi dan inovasi, di mana Jepun menjadi rakan utama Malaysia dalam pemindahan teknologi tinggi, pembangunan digital, serta penyelidikan dan pembangunan (R&D). Usaha sama dalam sektor seperti automotif, tenaga boleh baharu, keselamatan makanan dan bandar pintar memperlihatkan kepercayaan bersama dalam membina ekosistem ekonomi yang mampan. Pelaburan Jepun dalam industri berimpak tinggi di Malaysia bukan sahaja membuka peluang pekerjaan, tetapi juga memperkukuh daya saing negara melalui peningkatan nilai tambah dan pengkomersialan teknologi.

Akhir sekali, teras ketiga memberi tumpuan kepada kelestarian dan kesejahteraan bersama. Ini melibatkan kerjasama dalam bidang perubahan iklim, pengurusan sumber, dan pembangunan komuniti, selari dengan agenda global seperti Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Jepun sebagai negara maju yang berpengalaman dalam dasar persekitaran dan sosial telah menjadi rujukan penting kepada Malaysia dalam merangka pendekatan pembangunan yang seimbang. Maka, selepas 40 tahun, DPT bukan sekadar dasar luar biasa, tetapi satu kerangka strategik jangka panjang yang memperkukuh hubungan Malaysia–Jepun dalam semangat saling melengkapi, berinovasi dan membina masa depan yang lestari Bersama.

4. KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, Dasar Pandang ke Timur merupakan suatu dasar yang mana perlaksanaannya bersifat *‘open-ended’*. Ini bermakna, perlaksanaannya berterusan sehingga kini dan tidak pernah diisytiharkan perlaksanaannya akan ditamatkan walaupun telah melalui fasa pemerintahan kerajaan yang berbeza. Di awal pelaksanaan dasar ini, fokus utama yang diberikan adalah kepada aspek pendidikan dan perindustrian. Penerapan budaya kerja orang Jepun mengambil contoh teladan budaya kerjanya dan cuba diadaptasikan dalam diri rakyat Malaysia. DPT 2.0 memberi tumpuan kepada beberapa bidang penting selaras dengan keperluan pembangunan ekonomi pada masa kini. DPT dilihat masih relevan dan wajar diteruskan kerana ia memberi impak yang positif dalam pembangunan negara di samping mampu memperkukuhkan hubungan yang baik di antara negara Jepun dan Malaysia. Tidak semua rakyat Malaysia berupaya mengadaptasikan budaya kerja yang baik ini namun masih terdapat mereka yang terlibat dengan DPT secara langsung berupaya mengubah sikap dan budaya acuan masyarakat Jepun. Melalui aspek ekonomi, dasar ini memberi perubahan yang memberangsangkan kerana ia memberi impak terhadap perindustrian dan ekonomi negara dengan adanya bantuan, pinjaman dan kerjasama dari negara Jepun dalam bidang ini. Oleh yang demikian, dasar ini tidak boleh dipandang sepi setelah lebih empat puluh tahun perlaksanaannya kerana ia menyumbang kepada perkembangan ekonomi di samping menunjukkan hasil yang baik kepada negara meskipun terdapat halangan dan kekangan yang terpaksa dihadapi di sepanjang perlaksanaannya. Halangan dan kekangan yang berlaku ini tidak boleh dilihat sebagai cabaran yang

besar kerana impak yang diterima oleh Malaysia hasil daripada pelaksanaan dasar ini adalah lebih besar jika dibandingkan dengan halangan dan kekangan.

5. RUJUKAN

1. Journal Article:

Hanim Ismail, Kartini Aboo Talib & Nurul Asmaa Ramli. (2025). Revisiting The Second Wave Impacts of The Look-East Policy in Malaysia. *Journal of Ecohumanism*, 4(2), 1370 – 1382. <https://doi.org/10.62754/joe.v4i2.6505>

Hanim Ismail & Ahmad Faiz. (2024). The Second Wave of Look East Policy (LEP 2.0): Enhancing the Bilateral Relations Between Malaysia – Japan. *Journal of Social Sciences of Humanities*. Volume 21, Issue 1, DOI: <https://doi.org/10.17576/ebangi.2024.2101.11>

Sivamurugan et. al. (2021). Look East Policy after 35 years from social sciences perspectives: A new paradigm for Japan-Malaysia relations 1982-2017. *Cogent Social Science*. <https://doi.org/10.1080/23311886.2021.2005276>

2. Book:

Hanim Ismail & Kartini Aboo Talib. 2025. *Dasar pandang ke timur perubahan struktur dan budaya*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Uqbah Iqbal. (2017). *Sejarah pemikiran pandang ke Timur: kepentingan Jepun dalam pembangunan sosioekonomi Malaysia (1906-1980)*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

3. Website:

Anon. 2025, April 23. Malaysia dan Jepun Jalin Kerjasama, Pacu Industri Kreatif Rantau ASEAN. *Bernama*. <https://asean.bernama.com/news-bm.php?id=2416081>

Anon. 2022. Dasar Pandang Ke Timur: Legasi Kecemerlangan Empat Dekad. *Laman Web Rasmi Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Pembangunan Modal Insan*. <https://docs.jpa.gov.my/docs/flipbook/DASAR-PANDANG-KE-TIMUR/>

Anon. T.th. Dasar Pandang Ke Timur. *Laman Web Rasmi Jabatan Perdana Menteri*. https://www.pmo.gov.my/dokumenattached/Dasar/06DASAR_PANDANG_KE_TIMUR.pdf

Anon. 2022, January 5. Jepun, Malaysia sambut pencapaian 40 tahun Dasar Pandang Ke Timur. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/01/908059/jepun-malaysia-sambut-pencapaian-40-tahun-dasar-pandang-ke-timur>

Anon. 2022, Ogos 20 11. Dasar Pandang ke Timur bantu Malaysia jadi negara industri, pacu tahap lebih tinggi – Azmin. *Laman Web Rasmi Malaysian Investment Development Authority*. <https://www.mida.gov.my/ms/berita-mida/dasar-pandang-ke-timur-bantu-malaysia-jadi-negara-industri-pacu-tahap-lebih-tinggi-azmin/>

Mohd Ikbal Mohd Huda. 2010, April 28. Jepun Bantu Malaysia Buka Laluan Merintis Kemajuan. *Berita Harian Online*.